



Anwar berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Timbalannya, Lim Hui Ying. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Syor tubuh tribunal kes buli kanak-kanak dibawa ke Kabinet

Akta Antibuli akan digubal bagi dengar kes babit pelajar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, cadangan menggubal Akta Antibuli yang menggunakan sistem tribunal bagi mendengar kes berkaitan membabitkan pelajar dan kanak-kanak, akan dibawa ke mesyuarat Kabinet.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu akan dibawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

"Nanti, beliau (Azalina) akan bawa ke (mesyuarat) Kabinet. Kita akan bincang di Kabinet," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Sebelum ini, Azalina dilaporkan berkata kerajaan akan mengkaji keperluan bagi menggubal undang-undang Akta Antibuli yang menggunakan sistem tribunal bagi mendengar kes buli membabitkan pelajar dan kanak-kanak.

Dalam perkembangan lain, Anwar juga berkata, kerajaan komited menterjemahkan keadilan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum majoriti atau minoriti dalam setiap pendekatan dengan mengambil kira keperluan rakyat.

Katanya, kerajaan tidak mahu mana-mana kaum berasa terpinggir dengan semua manfaat diagihkan berdasarkan keperluan rakyat.

"Kalau mahu selamatkan negara, kita mesti jamin keadilan untuk majoriti dan minoriti. Kita tidak mahu *tyranny of the majority* (kezaliman majoriti), kita juga tidak mahu *tyranny of the minority* (kezaliman minoriti).

"Sebab itu apa-apa kelemahan kita baiki dalam belanjawan (Belanjawan 2026) dan kita sekarang dengar semua pandangan, dalam belanjawan kita akan ubah suai dan perbaiki kerana tidak semestinya apa yang kita lakukan (sekarang) semua sempurna, ada kelemahan," katanya.

Bukan soal pilih kaum

Anwar berkata, pendekatan Ekonomi MADANI bersifat menyeluruh dan tidak hanya fokus kepada satu-satu kaum, sebaliknya berpandukan keperluan sebenar rakyat, khususnya kelompok berpendapatan rendah dan miskin tegar.

Beliau menjelaskan, sebagai contoh, pelbagai inisiatif khusus untuk Bumiputera dilaksanakan menerusi program Putera 35 yang memberi tumpuan kepada isu kemiskinan, perumahan, usahawanan dan pemilikan tanah termasuk di Sungai Besi.

"Ini kerana 60 peratus rakyat adalah Melayu dan majoritinya berada dalam kelompok miskin. Pada masa sama, kita turut memperincikan program untuk kaum lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, majoriti komuniti perniagaan Cina pula memperoleh manfaat besar menerusi Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP), dengan

hampir RM14 bilion pinjaman dijamin kerajaan atau 75 peratus daripada keseluruhan jaminan.

"Ini bukan soal pilih kaum, tetapi kebetulan dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), masyarakat Cina banyak menguasai dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Bagi masyarakat India pula, katanya, bantuan tidak hanya tertumpu kepada peruntukan menerusi Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), tetapi diperluas kepada pelbagai bentuk sokongan secara langsung.

Antaranya, masyarakat India menerima RM1.22 bilion menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan tahun ini, manakala Sumbangan Tunai Rahmah (STR) pula merekodkan agihan hampir RM1 bilion bagi golongan itu untuk 2025, meningkat berbanding RM578 juta pada 2022.

Selain itu, katanya, masyarakat India turut menerima manfaat menerusi TEKUN sebanyak RM50 juta, dana tambahan pendidikan bawah MITRA bernilai RM20 juta serta penyertaan dalam program TVET, termasuk latihan khas di China yang membabitkan 150 anak muda India.

Mengenai isu dibangkitkan pembangkang berkaitan pelantikan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk M Kumar, beliau berkata ia bukan isu perkauman, sebaliknya dibuat berdasarkan kelayakan serta keupayaan individu memikul tanggungjawab.

Katanya, beliau tiada sebarang inasalah dengan pelantikan itu selagi individu berkenaan mampu melaksanakan tugas serta tanggungjawab dengan berkesan.